

**MPP3 2023**  
**PERNIAGAAN**  
**Kertas 1**  
**3766/1**  
**Oktober/November 2023**

1 jam 15 minit

Satu jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

---

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

1. Apakah maksud tujuan perniagaan?
  - A Mendapat keuntungan yang maksimum
  - B Menawarkan barang dan perkhidmatan
  - C Mengagihkan barang percuma kepada pengguna
  - D Menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat
  
2. Apakah tujuan penubuhan organisasi bukan bermotifkan untung?
  - I Memastikan nasib insan terbelah
  - II Mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat
  - III Memperoleh keuntungan daripada aktiviti yang dijalankan
  - IV Membantu golongan kurang berkemampuan
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
  
3. Gambar 1 menunjukkan suatu bentuk pemilikan perniagaan



Gambar 1

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- A Milikan Tunggal
- B Syarikat Berhad
- C Perkongsian
- D Koperasi

4. Antara yang berikut, manakah menunjukkan klasifikasi perniagaan bagi sektor kedua?

- A Encik Abu menanam padi di kampung halamannya
- B Encik Ahmad mengusahakan ternakan berasaskan ikan air tawar
- C Encik Fuad membina rumah mampu milik kepada penduduk setempat
- D Encik Tan membuka kedai mencuci kenderaan

5. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat J&J Kurier Sdn.Bhd.

Menyediakan perkhidmatan pos di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak

Nyatakan skala perniagaan tersebut

- A Skala zon
- B Skala negeri
- C Skala tempatan
- D Skala kebangsaan

6. Yang manakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

- A Mewujudkan gerai perniagaan
- B Menyediakan bantuan pelaburan
- C Memajukan sistem pendidikan usahawan
- D Menaja pembangunan perniagaan setempat

7. Gambar 2 berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.



Gambar 2

Apakah aktiviti perniagaan yang terlibat bagi agensi tersebut?

- A Aktiviti promosi
  - B Aktiviti kewangan
  - C Aktiviti latihan dan pembangunan
  - D Aktiviti penyelidikan dan pembangunan
8. Berikut adalah cara bagi mengatasi pengangguran.

Kerajaan memberi insentif kepada pemilik syarikat yang membenarkan pekerja terus berkerja.

Apakah jenis pengangguran tersebut?

- A Kitaran
  - B Struktur
  - C Teknologi
  - D Bermusim
9. Apakah kelebihan pengambilan pekerja dari luar organisasi?
- I Kemahiran baharu dan terkini
  - II Melahirkan idea baharu
  - III Pengeluaran stereotaip
  - IV Kos merekrut pekerja rendah
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

10. Antara yang berikut, manakah yang berkaitan dengan pembentukan visi sesebuah organisasi?

- I Garis panduan dalam pengurusan organisasi
- II Pernyataan ringkas menerangkan tujuan
- III Rancangan jangka masa pendek
- IV Memastikan hala tuju perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Berikut adalah objektif perniagaan yang ingin dicapai oleh Puan Hayati.

Mensasarkan jualan pewangi sebanyak RM300,000

Apakah ciri objektif yang terlibat?


- I Munasabah
- II Jangka masa
- III Boleh dicapai
- IV Boleh diukur

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

12. Apakah maksud titik pulang modal (TPM)?

- A Jumlah hasil melebihi jumlah kos
- B Jumlah hasil kurang daripada jumlah kos
- C Jumlah hasil ialah sama dengan jumlah kos berubah
- D Jumlah hasil jualan ialah sama dengan jumlah kos pengeluaran

13. Rajah 1 berkaitan peringkat pengurusan.



Rajah 1

Apakah peranan pihak pengurusan di peringkat **Y**?

- A Melaporkan aktiviti dalam unit
  - B Menguruskan keseluruhan operasi
  - C Mengetuai pentadbiran sesebuah perniagaan
  - D Mengawal pekerja di bahagian masing-masing
14. Berikut ialah kesan-kesan jika perniagaan gagal mencapai matlamat perniagaan.
- I Jualan merosot
  - II Imej perniagaan terjejas
  - III Mampu membayar gaji pekerja
  - IV Perniagaan dapat berkembang
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
15. Apakah faktor luaran yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif?
- A Politik
  - B Ekologi
  - C Sosiobudaya
  - D Gaya pengurusan


16. Gambar 3 berkaitan dengan Syarikat penerbangan Bagus.



Gambar 3

Saluran pengagihan manakah sesuai untuk produk tersebut?

- A Pengeluar → pengguna
  - B Pengeluar → peruncit → pengguna
  - C Pengeluar → ejen → peruncit → pengguna
  - D Pengeluar → pemborong → peruncit → pengguna
17. Fungsian manakah yang berperanan memilih pembekal dalam perniagaan?
- A Pengeluaran
  - B Pemasaran
  - C Pembelian
  - D Pengagihan
18. Rajah 2 berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi.



Rajah 2

Apakah X ?

- A Bahagian pentadbiran
- B Pengurusan sumber manusia
- C Penyelidikan dan pembangunan
- D Teknologi maklumat dan komunikasi

19. Gambar 4 merupakan satu aplikasi teknologi maklumat yang digunakan dalam perniagaan.



Gambar 4

Apakah aplikasi tersebut?

- A E-pemasaran
  - B E-government
  - C E-banking
  - D E-dagang
20. Maklumat berikut berkaitan satu proses komunikasi.

- Proses menterjemahkan mesej
- Bertujuan untuk memahami makna maklumat

Apakah proses tersebut?

- A Enkod
  - B Dekod
  - C Saluran
  - D Penerima
21. Maklumat yang berikut berkaitan struktur organisasi dalam sesebuah perniagaan.

- Biasanya wujud dalam organisasi yang menawarkan perkhidmatan seperti bank
- Penempatan pekerja berasaskan kemahiran, pengkhususan dan skop tugas tertentu

Apakah struktur organisasi tersebut?

- A Pelanggan
- B Produk
- C Matriks
- D Fungsi



22. Antara yang berikut, manakah jenis insentif yang diberikan oleh pekerja?

- I Elaun
- II Upah
- III KWSP
- IV PERKESO

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

23. Maklumat berikut berkaitan sikap seorang pekerja di sebuah syarikat.

Encik Najmi telah menggunakan wang syarikat untuk membayar pendahuluan pembelian rumah baharu tanpa pengetahuan majikannya.

Apakah jenis kesalahan yang dilakukan oleh Encik Najmi

- A Pecah amanah
- B Salah guna aset
- C Ingkar arahan
- D Tidak beretika

24. Gambar 5 merupakan jenis sumber teknologi




Gambar 5

Apakah sumber tersebut?

- A Harta intelek
- B Produk siap
- C Lesen perisian
- D Paten

25. Rajah 3 menunjukkan prosedur mengurus sumber fizikal.



Rajah 3

Aktiviti manakah yang berkaitan dengan prosedur X ?

- I Mendaftar melalui MyIPO
- II Memasang alat pemadam api
- III Menyediakan jadual pemeriksaan mesin
- IV Membaik pulih peralatan teknologi maklumat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

26. Maklumat berikut berkaitan jenis sumber pembiayaan

Institusi kewangan membeli invois pada harga diskaun

Apakah jenis sumber pembiayaan tersebut?

- A Pemfaktoran
- B Overdraf
- C Pajakan
- D Syer

27. Pasangan manakah yang betul?

	Pembiayaan Dalaman	Pembiayaan Luaran
A	Modal Permulaan	Simpanan peribadi
B	Rizab tunai	Syer
C	Pemfaktoran	Pajakan
D	Simpanan peribadi	Rizab tunai


28. Syarikat Jaminan Kredit Malaysia memberikan jaminan kepada peniaga yang menghadapi kesukaran dalam.....
- A mencari pembekal baharu
  - B menyediakan rancangan perniagaan
  - C mendapatkan pembiayaan daripada bank
  - D meminta khidmat nasihat daripada pegawai kewangan
29. Antara yang berikut, butiran manakah yang terdapat dalam Penyata Aliran Tunai?
- I Jualan
  - II Belian
  - III Kos Jualan
  - IV Untung kasar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
30. Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah syarikat

Aset semasa	RM 50000
Liabiliti semasa	RM 20000
Untung kasar	RM 35000

Hitung nisbah semasa?

- A 1.4 : 1
- B 1.8 : 1
- C 2.5 : 1
- D 0.6 : 1

31. Rajah 4 berkaitan dengan jenis-jenis kos dalam perniagaan



Rajah 4

Apakah contoh bagi Y?

- A Upah
  - B Bahan mentah
  - C Bil utiliti
  - D Sewa premis
32. Barang manakah merupakan stok bergerak pantas?
- A Kereta
  - B Perabot
  - C Baju
  - D Gula
33. Apakah kelebihan menjadi usahawan kepada negara?
- A Memenuhi keperluan dan kehendak
  - B Mewujudkan kerjasama serantau
  - C Mengurangkan kadar jenayah
  - D Membuka peluang pekerjaan
34. Perniagaan manakah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- A Koperasi Taman Baiduri
  - B Syarikat Julia Sdn Bhd
  - C Syarikat Daya Berhad
  - D Klinik Gigi Dr. Damia

35. Maklumat berikut berkaitan kelebihan menjadi usahawan.

Pn Wardah mencipta produk pencuci muka dengan hanya menggunakan ekstrak bunga ros.

Antara yang berikut, manakah ciri keperibadian yang dimiliki oleh Pn Wardah?

- I Kreatif
  - II Inovatif
  - III Berdikari
  - IV Berinisiatif
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

36. Maklumat berikut berkaitan kaedah promosi.

- Menarik pelanggan dengan memberikan sampel percuma

- A Publisiti
- B Pengiklanan
- C Promosi jualan
- D Jualan langsung

37. Antara yang berikut, pihak manakah berkepentingan terhadap rancangan perniagaan?

- I Pelabur
  - II Pembekal
  - III Pesaing
  - IV Penghutang
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

38. Maklumat berikut terdapat dalam rancangan perniagaan.

- Spesifikasi tugas pekerja
- Jadual imbuhan gaji dan insentif pekerja

Maklumat tersebut terdapat dalam rancangan.....

- A Operasi
- B Kewangan
- C Pemasaran
- D Pentadbiran

Soalan 39 – 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

39. I Sektor perniagaan terdiri daripada sektor utama, kedua dan sektor ketiga.

II Sektor kedua melibatkan aktiviti perlombongan dan pertanian.

40. I Contoh dokumen perniagaan ialah memo, resit, invois dan slip daftar tunai.

II Memo ialah dokumen yang merekodkan ambilan barangan untuk kegunaan peribadi.

### KERTAS SOALAN TAMAT

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm